

Tingkat kecekapan pengurusan sungai

PENGALAMAN berkampung selama tiga hari di daerah Kuala Muda, Kedah bertempat di Sungai Sedim, Kuala Muda dan Sungai Merbok pada 4 hingga 6 Ogos 2018 amat berharga kerana banyak pengetahuan dikongsikan bersama penganjur, peserta dan media.

Dinamakan Ekspedisi Sumber Air Negara Di Negeri Kedah, program itu bukan sahaja mendekati peserta dengan aspek pengurusan sumber air negara, malah turut berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti berkonsepkan ekopelancongan, agropelancongan dan arkeologi.

Masing-masing setiap lokasi yang dipilih untuk diterokai peserta memiliki tarikan sendiri, selain membekalkan peserta dengan pengetahuan mengenai projek-projek yang dilaksanakan berkaitan pengurusan sumber air.

Malah ada program yang mendedahkan secara langsung peserta dengan aspek sumber air dan ekosistem seperti lawatan ke Pejabat Lembangan Sungai Muda (PLSM), Ampang Jajar (barrage)

dan Bilik Kawalan Empangan Muda. Lawatan itu ternyata meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pengurusan air untuk tujuan kawalan banjir dan pertanian.

Ekspedisi itu juga memberi peluang kepada agensi berkaitan dan penyelidik menjalankan kajian berterusan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber air negara, selain membantu mempromosikan destinasi ekopelancongan dan agropelancongan di daerah ini.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Nor Hisham Mohd. Ghazali ketika berucap pada majlis perasmian program berkata, sumber air negara dijangka berhadapan dengan pelbagai isu dan ancaman seperti banjir, pencemaran dan kemarau.

Menurutnya, kesemua isu dan ancaman itu memerlukan tindakan pencegahan, pembetulan dan pemuliharaan.

Sehubungan itu, katanya,

pengurusan sumber air perlu fokus, cekap dan berkesan untuk pengekalan dan kelestarian sumber air negara.

“Sumber air mempunyai pertalian dengan makanan, industri, pelancongan dan alam sekitar. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bersama generasi akan datang meningkatkan kesedaran dan keprihatinan demi memastikan ekosistem negara sentiasa dipelihara,” katanya.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Pengarah JPS Negeri Kedah, Baharuddin Abdullah.

Ekspedisi ini dianjurkan JPS Kedah dengan kerjasama UNESCO-IHP & JPS Malaysia. Sebanyak 66 peserta termasuk media menjayakan program ini.

Dalam ucapan itu juga, beliau menegaskan, usaha membina keupayaan dan capaian kesedaran sumber air perlu diwujudkan dan diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat termasuk pembuat dasar, pengurus sumber, guru, pnsyarah, media, penyelidik

dan orang awam.


Ini katanya, penting supaya mereka memiliki rasa cinta kepada air bersih dan persekitaran yang harmoni.

Sementara itu, hari pertama program menyaksikan peserta terlibat dalam aktiviti merentas hutan, meniti laluan kanopi (tree top walk) dan berakit arus deras di Sungai Sedim.

Pada hari kedua pula, pihak penganjur membawa peserta melawat PLSM, Tapak Arkeologi Sungai Batu, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Projek Madu Kelulut SAF Merbok dan Ladang Nipah Ismail Che Kar.

Sementara itu, pada hari terakhir, aktiviti zumba diadakan di Jeti Semeling. Taklimat pelancongan daerah Kuala Muda turut disampaikan kepada peserta.

Selepas itu, peserta dibawa menaiki bot menyelusuri Sungai Merbok bagi meninjau hutan bakau di kiri dan kanan tebing sungai serta melawat projek sangkar ikan air tawar yang diusahakan oleh Shaiful Zairi Ahmad Subhi di Teluk Bayu.



LAWATAN ke sangkar ikan tawar di Teluk Bayu.



PESERTA Ekspedisi Sumber Air Negara di Negeri Kedah bergambar kenangan di hadapan Pejabat Lembangan Sungai Muda.